



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 8 TAHUN 2012

PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN JURUKARTOGRAFI

TUJUAN

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan Kerajaan mengenai pindaan skim perkhidmatan Jurukartografi sedia ada yang diluluskan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2010.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah bersetuju supaya skim perkhidmatan Jurukartografi dipinda bagi memastikan ianya relevan dengan perubahan skop dan fungsi tugas perkhidmatan ukur dan pemetaan. Di samping itu, bidang kartografi juga telah dikenali dengan nama baharu iaitu geospasial dan digunakan secara meluas di negara maju dan peringkat antarabangsa.

PINDAAN

3. Skim perkhidmatan Jurukartografi yang sedang berkuat kuasa dipinda seperti berikut:-

- (a) perubahan nama skim perkhidmatan Jurukartografi kepada Jurugeospacial;
- (b) tambahan satu lapisan gred kenaikan pangkat iaitu Gred J54;
- (c) tambahan syarat kelayakan masuk di peringkat ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang-bidang *remote sensing*, geoinformatik, ukur tanah atau bidang berkaitan;
- (d) perbekalan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) daripada skim perkhidmatan Penolong Juruukur dengan memenuhi syarat lantikan seperti perenggan 3(c) di atas; dan
- (e) peningkatan syarat Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu daripada lulus kepada kepujian.

4. Perbekalan-perbekalan lain dalam skim perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa dikekalkan. Skim perkhidmatan Jurugeospacial dan Penolong Juruukur yang baharu adalah seperti di **Lampiran A** dan **Lampiran B**. Format iklan jawatan adalah seperti di **Lampiran A1**. Penghuraian kerja skim perkhidmatan Jurugeospacial adalah seperti di **Lampiran A2**. Jadual Gaji Minimum - Maksimum (JGMM) bagi skim perkhidmatan Jurugeospacial Gred J41, J44, J48, J52, J54 adalah seperti di **Lampiran C**.

PELAKSANAAN

Pegawai Sedang berkhidmat

5. Semua pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Jurukartografi adalah tertakluk kepada skim perkhidmatan Jurugeospacial yang baharu mulai tarikh kuat kuasa pekeliling perkhidmatan ini. Gred semua pegawai dalam skim

perkhidmatan Jurukartografi sedia ada yang dilantik secara tetap akan ditetapkan seperti berikut:

- (a) pegawai yang berada di Gred J41 ditetapkan ke Gred J41;
- (b) pegawai yang berada di Gred J44 ditetapkan ke Gred J44;
- (c) pegawai yang berada di Gred J48 ditetapkan ke Gred J48; dan
- (d) pegawai yang berada di Gred J52 ditetapkan ke Gred J52;

Pelantikan Baharu

6. Semua pelantikan baharu ke skim perkhidmatan Jurugeospacial hendaklah mengguna pakai syarat lantikan baharu yang ditetapkan dalam pekeliling perkhidmatan ini.

7. Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam akan melaksanakan perubahan jawatan Jurukartografi kepada Jurugeospacial dalam Senarai Perjawatan sedia ada.

ELAUN DAN KEMUDAHAN

8. Urusan pertukaran pelantikan ini tidak melibatkan sebarang perubahan elaun dan kemudahan yang diterima oleh Jurugeospacial mengikut pekeliling perkhidmatan/ surat pekeliling perkhidmatan/ surat edaran yang berkuat kuasa.

TARIKH KUAT KUASA

9. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2013**.


PEMBATALAN

10. Dengan berkuat kuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Jurukartografi dan Penolong Juruukur yang berkuat kuasa melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2010 adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN

11. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK FARIDA MOHD ALI)
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)
Malaysia

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA**

31 Oktober 2012

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**SKIM PERKHIDMATAN
JURUGEOSPATIAL**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2013

Gred	Peringkat	Gaji Minimum		Gaji Maksimum
Gred J41	P1	RM2,359.72	-	RM5,559.76
	P2	RM2,468.21	-	RM5,892.94
	P3	RM2,581.43	-	RM6,221.67
Gred J44	P1	RM3,419.52	-	RM5,918.11
	P2	RM3,792.17	-	RM6,515.52
Gred J48	P1	RM5,004.49	-	RM6,914.47
	P2	RM5,501.36	-	RM7,543.44
Gred J52	P1	RM5,638.17	-	RM7,568.15
	P2	RM6,172.78	-	RM8,234.86
Gred J54	P1	RM5,938.49	-	RM8,049.46
	P2	RM6,463.67	-	RM8,753.89

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang *remote sensing*, geoinformatik, ukur tanah atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J41: P1 RM2,359.72)

dan

- (d) kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**KENAIKAN PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Juruukur adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Jurugeospacial Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred J41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN	4. Jurugeospatal Gred J41 yang dilantik secara terus atau secara kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
LATIHAN	5. Jurugeospatal boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
KURSUS INDUKSI /PEPERIKSAAN	6. Jurugeospatal Gred J41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi atau kursus-kursus lain yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	7. Jurugeospatal Gred J41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:- <ul style="list-style-type: none"> (a) memenuhi tempoh percubaan; (b) hadir dengan jayanya kursus induksi atau kursus-kursus lain yang ditetapkan; dan (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
PERGERAKAN GAJI TAHUNAN	8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI	9. Jurugeospatal hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
KENAIKAN PANGKAT KE GRED J44	10. Jurugeospatal Gred J41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurugeospatal Gred J44 yang kosong apabila telah:- <ul style="list-style-type: none"> (a) disahkan dalam perkhidmatan; (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
KENAIKAN PANGKAT KE GRED J48	11. Jurugeospatal Gred J44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurugeospatal Gred J48 yang kosong apabila telah:- <ul style="list-style-type: none"> (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
KENAIKAN PANGKAT KE GRED J52	12. Jurugeospatal Gred J48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurugeospatal Gred J52 yang kosong apabila telah:- <ul style="list-style-type: none"> (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED J54**

13. Jurugeospatial Gred J52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurugeospatial Gred J54 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

Nota : Skim Perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 2.1.2011
[Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2010]

FORMAT IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Jurugeospacial
- (b) Kementerian/Jabatan : (Nyatakan Nama Agensi)
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Kejuruteraan

2. Jadual Gaji

Gred	Peringkat	Gaji Minimum		Gaji Maksimum
Gred J41	P1	RM2,359.72	-	RM5,559.76
	P2	RM2,468.21	-	RM5,892.94
	P3	RM2,581.43	-	RM6,221.67
Gred J44	P1	RM3,419.52	-	RM5,918.11
	P2	RM3,792.17	-	RM6,515.52
Gred J48	P1	RM5,004.49	-	RM6,914.47
	P2	RM5,501.36	-	RM7,543.44
Gred J52	P1	RM5,638.17	-	RM7,568.15
	P2	RM6,172.78	-	RM8,234.86
Gred J54	P1	RM5,938.49	-	RM8,049.46
	P2	RM6,463.67	-	RM8,753.89

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang *remote sensing*, geoinformatik, ukur tanah atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J41: P1 RM2,359.72).

dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Taraf Jawatan : (Nyatakan sama ada bertaraf tetap atau sementara)
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan kejuruteraan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : (Untuk diisi oleh ketua jabatan/ perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat)
7. Tarikh Tutup Permohonan : (Nyatakan tarikh tutup permohonan)

**PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN
JURUGEOSPATIAL**

1. SKIM PERKHIDMATAN

Jurugeospatial Gred J41, J44, J48, J52, J54.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Jabatan Ukur dan Pemetaan/ agensi kerajaan.

3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab dalam penyediaan reka bentuk peta elektronik, peta tematik serta peta topografi terhad dan tidak terhad yang diperlukan oleh kerajaan dan awam bagi tujuan pertahanan, pembangunan negara, pengurusan sumber, pendidikan dan pentadbiran.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Jurugeospatial Gred J41

4.1.1 Aspek Ukur dan Pemetaan

- a. Mengetuai unit-unit di Seksyen-seksyen/ Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri yang mengendalikan Pangkalan Data Geospatial.
- b. Melaksanakan pengumpulan, pemprosesan, pengurusan dan analisa data-data maklumat geografi, spatial dan atribut dari semasa ke semasa.

- c. Melaksanakan mereka bentuk menu, data maklumat ruang dan atribut secara bersepadu bagi memudahkan pengguna membuat pilihan operasi semasa menjalankan sistem.
- d. Mewujudkan satu sistem pengurusan dan pengemaskinian pangkalan data-data atribut yang lebih sistematik, efektif dan efisien supaya memudahkan proses pencarian data, mengawal data yang berulang serta mengawal kesahihan data.
- e. Melaksanakan proses kemasukan data dan pengurusan bagi meningkatkan penyediaan, keselamatan, keseragaman dan ketetapan simpanan data di pangkalan data.
- f. Melaksanakan penyediaan paparan persembahan dan proses penyuntingan maklumat dalam bentuk yang menarik dan lengkap.

4.1.2 Aspek Penerbangan Awam

- a. Menyemak dan menentukan ketepatan data maklumat GIS.
- b. Mengurus keselamatan fail-fail digital GIS.
- c. Membuat *back-up* data-data digital GIS.
- d. Memastikan pematuhan keperluan yang ditetapkan ICAO dalam penggunaan data maklumat GIS.

4.1.3 Aspek *Remote Sensing* Negara

- a. Merancang, menyediakan cadangan teknikal dan kewangan dan mengurus pelaksanaan peningkatan perkhidmatan dan menaik taraf sistem dan peralatan di Makmal Kartografi.

- b. Mengurus belanjawan bagi pelaksanaan perkhidmatan, pengeluaran produk dan terbitan pemetaan MACRES serta menaik taraf sistem dan peralatan di Makmal Kartografi.
- c. Membuat penilaian ke atas teknologi terkini bagi pengeluaran produk dan terbitan pemetaan MACRES dan seterusnya menyediakan cadangan teknikal dan kewangan bagi teknologi terkini yang bersesuaian diguna pakai di MACRES.
- d. Menyediakan skop dan spesifikasi serta bertanggungjawab dalam perolehan bekalan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan makmal kartografi dan seterusnya mengurus perolehan tersebut secara pembelian terus, sebut harga atau tender.
- e. Bertanggungjawab ke atas penyelenggaraan dan perolehan sistem dan peralatan kartografi serta peralatan dan sistem guna sama di bawah kelolaan makmal kartografi.
- f. Bertanggungjawab memperakukan penentuan dan penyediaan spesifikasi untuk produk keluaran MACRES untuk diterima pakai oleh cawangan-cawangan lain di MACRES.
- g. Bertanggungjawab ke atas prosedur-prosedur keselamatan, kawalan mutu hak cipta untuk keluaran dan terbitan Pemetaan MACRES serta penggunaan bahan-bahan terhad.

4.2 Jurugeospatial Gred J44

4.2.1 Aspek Ukur dan Pemetaan

- a. Mengetuai unit-unit di Seksyen-seksyen/ Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri yang mengendalikan Pangkalan Data Geospatial.
- b. Mengurus dan mengawal selia pelaksanaan pengumpulan, pemprosesan, pengurusan dan analisa data-data maklumat geografi.
- c. Mengurus dan mengawal selia pelaksanaan pengumpulan dan paparan maklumat-maklumat spatial dan atribut secara bersepadu dari semasa ke semasa.
- d. Mengurus dan mengawal selia bagi mewujudkan serta mereka bentuk satu sistem pengurusan pangkalan data yang lebih sistematik, efektif dan efisien supaya memudahkan proses pencarian data, mengawal data yang berulang serta mengawal kesahihan data.
- e. Mengurus dan mengawal selia proses kemasukan data dan pengurusan bagi meningkatkan penyediaan, keselamatan, keseragaman dan ketetapan simpanan data di pangkalan data serta mengemas kini data-data atribut dari semasa ke semasa.
- f. Mengurus dan mengawal selia bagi penyediaan paparan, proses penyuntingan dan persembahan maklumat dalam bentuk yang menarik dan lengkap.

4.2.2 Aspek Penerbangan Awam

- a. Pegawai Pengawal dalam mengemaskinikan data maklumat geospasial jabatan.
- b. Perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan geospasial.
- c. Pengurusan perolehan data maklumat geospasial untuk keperluan jabatan.
- d. Perancangan dan pelaksanaan pembangunan pangkalan data geospasial yang disatukan untuk kegunaan unit PANS-OPS, AIS, Kartografi dan lain-lain.
- e. Memastikan pematuhan keperluan yang ditetapkan ICAO dalam penggunaan data maklumat geospasial.

4.3 Jurugeospasial Gred J48

4.3.1 Aspek Ukur dan Pemetaan

- a. Mengetuai unit-unit di Seksyen-seksyen/ Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri yang mengendalikan Pangkalan Data Geospasial.
- b. Mengurus dan mengawal selia pelaksanaan pengumpulan, pemprosesan, pengurusan dan analisa data-data maklumat geografi.
- c. Mengurus dan mengawal selia pelaksanaan paparan dan pengumpulan maklumat ruang dan atribut secara bersepadu dari semasa ke semasa.

- d. Mengurus dan mengawal selia pelaksanaan mereka bentuk menu untuk memudahkan pengguna membuat pilihan operasi semasa menjalankan sistem.
- e. Mengurus dan mengawal selia dalam pelaksanaan mewujudkan satu sistem pengurusan pangkalan data yang lebih sistematik, efektif dan efisien supaya memudahkan proses pencarian data, mengawal data yang berulang serta mengawal kesahihan data serta pengemaskinian data-data atribut dari semasa ke semasa.
- f. Mengurus dan kawal selia proses kemasukan data dan pengurusan bagi meningkatkan penyediaan, keselamatan, keseragaman dan ketetapan simpanan data di pangkalan data.
- g. Mengurus dan kawal selia dalam penyediaan paparan dan proses penyuntingan serta persembahan maklumat dalam bentuk yang menarik dan lengkap.

4.3.2 Aspek *Remote Sensing* Negara

- a. Merancang, mengurus dan melaksanakan aktiviti berkaitan unit di bawah pengawasan.
- b. Mengetuai unit bagi menguruskan keperluan data geospasial di MACRES secara menyeluruh.
- c. Mengurus dan menyelenggarakan peralatan/ sistem kartografi serta peralatan dan sistem guna sama di bawah kelolaan makmal kartografi.

- d. Berkomunikasi dengan efektif dengan pengurusan tertinggi dan juga berkebolehan berkomunikasi dengan pegawai MACRES lain dalam melaksanakan tugas.

4.4 Jurugeospatial Gred J52

4.4.1 Aspek Ukur dan Pemetaan

- a. Membantu Jurugeospatial Gred J54 dalam mengetuai Seksyen-seksyen/ Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri yang mengendalikan Pangkalan Data Geospatial.
- b. Merancang dan menguruskan pelaksanaan pengumpulan, pemprosesan, pengurusan dan analisa data-data maklumat geografi.
- c. Merancang dan mengurus pelaksanaan pengumpulan serta paparan maklumat ruang dan atribut secara bersepadu dari semasa ke semasa.
- d. Merancang dan mengurus bagi membentuk menu untuk memudahkan pengguna membuat pilihan operasi semasa menjalankan sistem.
- e. Merancang dan mengurus bagi pelaksanaan mewujudkan satu sistem pengurusan pangkalan data yang lebih sistematik, efektif dan efisien supaya memudahkan proses pencarian data, mengawal data yang berulang serta mengawal kesahihan data serta pengemaskinian data-data atribut dari masa ke semasa.
- f. Membantu dalam merancang dan mengurus proses kemasukan data dan pengurusan bagi meningkatkan penyediaan,

keselamatan, keseragaman dan ketetapan simpanan data di pangkalan data.

- g. Membantu dalam merancang dan mengurus bagi penyediaan paparan dan pelaksanaan proses penyuntingan serta persembahan maklumat dalam bentuk yang menarik dan lengkap.

4.5 Jurugeospatial Gred J54

4.5.1 Aspek Ukur dan Pemetaan

- a. Mengetuai Seksyen-seksyen/ Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri yang mengendalikan Pangkalan Data Geospatial.
- b. Merancang dan menguruskan pelaksanaan pengumpulan, pemprosesan, pengurusan dan analisa data-data maklumat geografi.
- c. Merancang dan mengurus pelaksanaan pengumpulan, paparan maklumat ruang dan atribut secara bersepadu dari semasa ke semasa.
- d. Merancang dan mengurus bagi membentuk menu untuk memudahkan pengguna membuat pilihan operasi semasa menjalankan sistem.
- e. Merancang dan mengurus dalam pelaksanaan mewujudkan satu sistem pengurusan pangkalan data yang lebih sistematik, efektif dan efisien supaya memudahkan proses pencarian data, mengawal data yang berulang serta mengawal kesahihan data serta pengemaskinian data-data atribut dari semasa ke semasa.

- f. Merancang dan mengurus proses kemasukan data dan pengurusan bagi meningkatkan penyediaan, keselamatan, keseragaman dan ketetapan simpanan data di pangkalan data.
- g. Merancang dan mengurus dalam penyediaan paparan, pelaksanaan proses penyuntingan dan persembahan maklumat dalam bentuk yang menarik dan lengkap.

5. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Pengarah Ukur Kartografi.
- b. Pegawai di Cawangan Penerbitan Peta dan Cawangan Peta Elektronik.

Luaran

- a. JUPEM Negeri.
- b. Jabatan/ agensi kerajaan lain di peringkat persekutuan, negeri dan pihak berkanun tempatan.

6. PERSEKITARAN KERJA

- a. Dalam dan luar pejabat.
- b. Melibatkan ruang kerja pejabat yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang mematuhi peraturan yang ditetapkan.

7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)

- a. Berkelulusan ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang *remote sensing*, geoinformatik, ukur tanah atau bidang berkaitan yang diiktiraf.
- b. Berkemahiran dalam bidang komputer.
- c. Berpengalaman dalam bidang kartografi.
- d. Berkebolehan berkomunikasi secara lisan dan bertulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- e. Berkebolehan memberikan pendapat secara profesional, memberi khidmat nasihat dan mengemukakan pendapat dengan baik.
- f. Berkebolehan dalam menulis laporan dan kertas kerja.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- a. Integriti.
- b. Bertanggungjawab.
- c. *Esprit de Corps*.
- d. Profesionalisme.
- e. Berdisiplin.
- f. Kebebasan, adil dan saksama.
- g. Kreativiti dan inovasi.

- h. Kerahsiaan.
- i. Kompetensi dan ketelitian.
- j. Bekerjasama.
- k. Berdedikasi.

9. ANCAMAN/ BAHAYA

- a. Percanggahan kepentingan.
- b. Boleh diambil tindakan undang-undang.
- c. Subversif.
- d. Penglibatan dengan aktiviti luar pejabat.
- e. Rasuah.
- f. Tekanan.

**SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG JURUUKUR**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2013

Gred	Peringkat	Gaji Minimum		Gaji Maksimum
Gred J29	P1	RM1,750.82	-	RM3,587.88
	P2	RM1,831.15	-	RM3,808.36
	P3	RM1,914.90	-	RM4,021.92
Gred J36	P1	RM3,089.07	-	RM5,249.96
	P2	RM3,330.05	-	RM5,817.42
Gred J38	P1	RM3,482.16	-	RM5,505.92
	P2	RM3,723.15	-	RM6,058.03

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) diploma dalam bidang ukur tanah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J29: P1 RM1,826.02);

dan

 - (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN**
2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Juruteknik Ukur adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Juruukur Gred J29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
 - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred J29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
4. Penolong Juruukur Gred J29 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN	5. Penolong Juruukur boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN	6. Penolong Juruukur Gred J29 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi atau kursus-kursus lain dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	7. Penolong Juruukur Gred J29 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:- (a) memenuhi tempoh percubaan; (b) hadir dengan jayanya kursus induksi atau kursus-kursus lain dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
PERGERAKAN GAJI TAHUNAN	8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI	9. Penolong Juruukur hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
KENAIKAN PANGKAT KE GRED J36	10. Penolong Juruukur Gred J29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Juruukur Gred J36 yang kosong apabila telah:- (a) disahkan dalam perkhidmatan; (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
KENAIKAN PANGKAT KE GRED J38	11. Penolong Juruukur Gred J36 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Juruukur Gred J38 yang kosong apabila telah:- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN JURUGEOSPATIAL, JURUUKUR	12. Penolong Juruukur yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Jurugeospasial atau Juruukur Gred J41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim-skim perkhidmatan berkenaan.

Nota : Skim Perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 2.1.2011 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2010]

**JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL MULAI 1 JANUARI 2012**

(RM SEBULAN)

KOD GAJI KOMPUTER SSM	GRED GAJI	PERINGKAT	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
SSM303JA54000	J54	P1	5,938.49	8,049.46	320.00
		P2	6,463.67	8,753.89	
SSM303JA52000	J52	P1	5,638.17	7,568.15	290.00
		P2	6,172.78	8,234.86	
SSM303JA48000	J48	P1	5,004.49	6,914.47	270.00
		P2	5,501.36	7,543.44	
SSM303JA44000	J44	P1	3,419.52	5,918.11	250.00
		P2	3,792.17	6,515.52	
SSM303JA41000	J41	P1	2,359.72	5,559.76	225.00
		P2	2,468.21	5,892.94	
		P3	2,581.43	6,221.67	